

AHLI SIHIR KE TALI GANTUNG . Oleh Mahyuddin Ismail. PTS Millennia Sdn. Bhd. Batu Caves. 2011. Hlm. 366. ISBN 978-967-0142-47-0

Di Malaysia, ilmu sihir bukanlah suatu yang asing dalam kalangan masyarakat setempat. Rata-rata penduduk Malaysia yang berbilang bangsa dan agama menerima hakikat yang ilmu sihir sememangnya wujud dan diamalkan oleh golongan tertentu dalam kehidupan sosial mereka. Namun sehingga saat ini belum ada satu pendekatan perundangan yang mampu mengatasi kebejatan yang berhasil dari perbuatan sihir. Rang undang-undang cadangan perihal sihir yang dimuatkan dalam buku ini adalah rang undang-undang yang dibincangkan bagi digazetkan sebagai undang-undang Malaysia.

Intipati buku ini adalah hasil penyelidikan Dr Mahyuddin Ismail. Beliau merupakan Pengarah Program Pengajian Islam di Sekolah Pengajian Islam, Kolej Antarabangsa IKIP. Beliau mendapat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan berkelulusan Sarjana dan Sarjana Muda daripada bidang yang sama dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Buku Ahli Sihir Ke Tali Gantung telah dihasilkan rentetan daripada hasil Muzakarah Pakar : Bentuk Sihir Pengasih dan Metodologi Diagnosis yang telah dianjurkan oleh Jabatan Mufti Selangor pada 17 Disember 2009 dan 21 Julai 2010 secara khusus membincangkan kaedah bagi menangani jenayah sihir yang semakin kerap berlaku. Hasilnya timbul cadangan supaya dicari satu jalan penyelesaian melalui pendekatan undang-undang supaya tukang-tukang sihir ini boleh dihadapkan ke mahkamah.

Justifikasi memilih buku ini adalah untuk membuka mata masyarakat agar kesalahan jenayah boleh dikenakan tindakan sekirangnya rang cadangan undang-undang jenayah sihir diwujudkan. Buku ini menjadi satu langkah permulaan kepada usaha penggubalan undang-undang jenayah sihir di Malaysia. Menurut penulis, hampir saban tahun sebilangan masyarakat di Malaysia percaya yang mereka telah menjadi mangsa sihir dan cuba mencari jalan bagi mendapatkan rawatan. Banyak kes-kes individu yang menanggung derita akibat terkena sihir malah kerap kedengaran juga berlaku persengketaan dalam kalangan masyarakat akibat dakwaan kondonnya ada di antara mereka yang mengenakan sihir. Unsur tuduh menuduh sebegini kerap kali didengar terutama dalam kalangan peniaga, pasangan yang mempunyai hubungan sulit ataupun yang dimadukan, artis dan selebriti, ahli-ahli politik, cendakiawan, ahli-ahli korporat dan tidak ketinggalan orang-orang dalam institusi keagamaan. Senario yang berlaku pada hari ini menuntut pihak berwajib mengambil langkah proaktif bagi menggubal satu undang-undang bagi menangani jenayah sihir.

Buku setebal 366 halaman ini mengandungi 10 bab secara keseluruhannya, diolah dan disusun dengan penulisan yang sangat kemas dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai perihal sihir yang tidak diketahui ramai. Setiap bab dimulai dengan tajuk yang telah dikhurasukan menjadikan buku ini sangat menarik untuk dibaca. Di dalam Bab Satu, penulis menerangkan sekelumit bicara perihal sihir dari sudut kacamata bahasa. Turut diterangkan juga elemen perihal syarat keberhasilan amalan sihir. Setiap satu daripada elemen itu diuraikan satu persatu. Menurut penulis, perkara ini penting supaya jelas dalam menilai dan menentukan sama ada amalan itu mengandungi unsur-unsur sihir atau tidak. Bab ini juga disentuh berkaitan perbezaan mukjizat, karamah dan mau'nah.

Bab kedua bertajuk *Jenayah Yang Dilaknat Sejak Zaman Berzaman* menghuraikan berkaitan pengaruh sihir di beberapa negara antaranya Mesopotamia, Mesir, Yunani, Rom, Parsi dan China. Di dalam bab ini juga penulis ada menerangkan sebelum kedatangan Islam ke Tanah Arab, masyarakat Arab Jahiliah pada masa itu sudah pun mempunyai pengetahuan dan kepercayaan berkaitan kewujudan sihir. Tidak terkecuali Barat juga dijajah oleh sihir apabila Empayar Rom jatuh dan Barat mula dilanda zaman kegelapan. Akta paling ketat berhubung larangan penggunaan sihir diperkenalkan pada awal pemerintahan Elizabeth I iaitu pada tahun 1563. Akta ini memperuntukan individu yang menggunakan, mengamalkan ataupun melaksanakan apa-apa penyihiran dikira bersalah melakukan jenayah besar (*felony*) dan dihukum mati.

Bab ketiga di dalam buku ini bertajuk *Amalan Sihir Rahsia yang Terbongkar*. Di dalam bab ini penulis menekankan terdapat dua syarat penting yang wujud bagi membolehkan ilmu yang diamalkan itu berkesan. Syarat-syarat ini menjadi asas bagi menghasilkan perkara-perkara luar biasa yang memukau mata dan fikiran manusia. Syarat-syarat itu ialah pertama penglibatan makhluk halus melalui pemujaan ataupun korban dan kedua penyediaan resepi sihir. Menurut penulis lagi, ilmu sihir dapat menimbulkan kesan kepada mangsa sama ada secara langsung ataupun tidak, sama ada secara drastik mahupun dalam jangka tertentu. Ini bergantung kepada jenis sihir yang digunakan, kekuatan khadam sihir yang digunakan dan kekuatan rohani mangsa. Kepelbagaiannya budaya, adat setempat, agama dan lokasi sesuatu bangsa menimbulkan kepelbagaiannya dalam ilmu sihir dan bahan yang digunakan untuk menyihir. Namun, kepelbagaiannya ini hanya tabir yang melindungi hakikat sebenar ilmu sihir itu berfungsi supaya masyarakat umum menyangka ilmu sihir itu suatu yang hebat dan sukar difahami.

Bab seterusnya penulis telah mengupas tajuk berkaitan *Sihir Itu Jenayah*. Melabelkan sihir sebagai jenayah amat bertepatan kerana konsep jenayah itu sendiri lebih memfokus kesan yang terhasil dari perbuatan daripada menitikberatkan perbuatan itu sendiri. Perbuatan ahli sihir dalam melaksanakan pekerjaan sihirnya kelihatan seolah-olah tiada kaitan langsung dengan kesan yang terhasil daripada perbuatan tersebut. Perbuatan ahli sihir mencucuk jarum pada patung semasa melakukan sihir dilihat seolah-olah tiada kaitan dengan kesan yang dialami oleh mangsa. Menurut penulis lagi, sebenarnya terdapat beratus-ratus jenis sihir dengan pelbagai nama yang digunakan bagi mendatangkan kemudaran kepada mangsa. Antara yang biasa didengar dalam kalangan masyarakat Melayu adalah santau, santet, pelalau, telur laying, ikan seluang, pelesit, pemisah, pengikat dan pembenci.

Walaupun sihir-sihir ini berbeza berbanding aspek nama, namun tetap mempunyai persamaan dari aspek amalan dan matlamat yang muhaim dicapai. Hasilnya bergantung pada penglibatan jin, syaitan dan iblis yang menjadi khadam sihir. Kesemuanya dilakukan bagi menimbulkan masalah dan keimbangan dalam masyarakat. Sudah sampai masanya ilmu sihir diisyithar sebagai jenayah dan pengamalannya ataupun individu yang mendapatkan khidmatnya dikenakan hukuman undang-undang.

Bab kelima *Di Mana Sihir Dalam Undang-undang* membincangkan tentang peruntukan kesalahan jenayah dalam Kanun Keseksyen yang dapat dihubungkait dengan kegiatan sihir. Menurut penulis di dalam bab ini, antara peruntukan yang berkaitan ialah peruntukan berhubung kesalahan menyebabkan kematian, kecederaan, kemusnahan harta benda, reputasi diri dan

sebagainya. Dalam ilmu sihir, kesan yang terhasil akibat ilmu sihir selalunya drastik dan berpanjangan kerana kesan tersebut terhasil daripada perbuatan sihir bahkan lebih teruk daripada jenayah biasa. Oleh yang demikian, sekiranya undang-undang mahu melindungi warganya dari menerima akibat ataupun kesan buruk yang terhasil dari ilmu sihir maka ilmu dan amalan sihir mesti diisyithar sebagai satu jenayah. Sudah tiba masanya skop penggunaan Kanun Keseksaan diperluaskan kepada jenayah yang dilakukan oleh tangan ghaib ini.

Seterusnya *Sihir Di Malaysia* yang merupakan bab keenam di dalam buku Ahli Sihir Ke Tali Gantung mengupas berkaitan kepelbagaian budaya, adat setempat, agama dan lokaliti bangsa menimbulkan kepelbagaian dalam amalan ilmu sihir dan bahan yang digunakan bagi menyihir. Namun, penulis menyatakan kepelbagaian ini hanya sebagai tabir yang melindungi hakikat sebenar bagaimana ilmu sihir itu berfungsi supaya individu menyangka ilmu sihir adalah hebat dan sukar difahami. Terdapat banyak kes-kes yang melibatkan sihir yang telah dikupas oleh penulis di dalam bab ini menunjukkan bahawa konsep jenayah di Malaysia pada hari ini memerlukan penilaian semula dan perluasan makna bagi mencakupi perbuatan yang dikaitkan dengan penggunaan ilmu sihir.

Penjara Untuk Ahli Sihir adalah bab seterusnya mengupas tentang hukuman dan proses bagi mensabitkan kesalahan melakukan jenayah sihir. Menurut penulis, sebelum sebarang tindakan undang-undang dapat diambil kepada seseorang yang disyaki melakukan jenayah sihir di Malaysia, perkara asas yang mesti diselesaikan terlebih dahulu adalah punca kuasa yang membolehkan siasatan jenayah sihir dijalankan, jabatan yang terlibat termasuk kakitangannya yang layak menjalankan siasatannya. Di dalam buku ini penulis mencadangkan proses untuk mensabitkan hukuman ke atas penjenayah sihir ialah:

1. Penggubalan akta jenayah sihir Malaysia.
2. Penubuhan Jabatan Siasatan Jenayah Sihir dan struktur organisasinya.
3. Prosedur bagi mensabitkan ahli sihir.

Keberhasilan sesuatu pendakwaan kepada seorang yang dituduh melakukan jenayah sihir sangat kepada jenis keterangan yang digunakan di mahkamah, sejaухmana kebenarannya yang dapat diterima serta sejauh mana kerevelanannya dalam kes itu.

Tajuk bab kelapan *Mantera Penunduk Sihir* bukanlah mengisahkan mantera-mantera yang digunakan oleh ahli sihir tetapi yang dimaksudkan oleh penulis ialah keterangan dan pengakuan bersalah ahli sihir itu serta beberapa keterangan yang boleh mensabitkan kesalahan ahli sihir itu. Proses memberi dan menerima keterangan dalam mahkamah bagi kes-kes jenayah adalah antara proses rumit kerana kerelevan fakta yang dikemukakan mempengaruhi keputusan hakim. Sebarang percanggahan ataupun keraguan yang munasabah dalam keterangan yang diberi mencacatkan kes dan dapat menyebabkan pendakwaan kes jenayah digugurkan. Daripada satu aspek, ini adalah lebih baik kerana dapat menghindari mahkamah daripada menghukum individu yang tidak bersalah. Bagi memastikan mekanisme yang digunakan pada masa proses memberi keterangan dalam mahkamah dapat disesuaikan dengan situasi dan keadaan kes, menurut penulis terdapat empat kaedah yang dapat digunakan pakai iaitu:

- 1- Keterangan dan pengakuan oleh ahli sihir.
- 2- Keterangan saksi.
- 3- Keterangan saksi pakar.
- 4- Keterangan mengikut keadaan.

Di dalam bab ini juga penulis membuat sedikit perbandingan antara jenayah siber dan jenayah sihir. Daripada aspek alatan yang digunakan, kedua-dua jenis jenayah ini menggunakan sesuatu yang tidak kelihatan kewujudannya pada mata kasar. Sihir menggunakan jin, syaitan dan iblis yang dipuja melalui upacara tertentu manakala jenayah siber menggunakan talian internet yang dihubungkan kepada komputer. Kedua-duanya tidak memerlukan pelakunya berada di tempat kejadian ataupun melakukan perbuatan itu secara fizikal. Penulis berpendapat penjenayah yang melakukan jenayah sihir lebih mudah dikesan berbanding jenayah biasa. Hal ini kerana senjatanya khadam sihir berada dalam diri mangsa. Melalui senjata ini pakar dapat menjelaki penjenayah itu. Konsepnya sama seperti jenayah siber. Orang awam tidak mengetahui penjenayah yang berselindung di sebalik computer dan talian internet. Namun alatan itu mampu menjadi penunjuk jalan kepada pakar teknologi komputer bagi mengesan lokasi penjenayah.

Bab *Undang-undang Sihir Millenium Baru* mengupas tentang sesetengah negara yang mempunyai undang-undang berkaitan jenayah sihir, ketiadaan kepakaran yang memahami selok belok jenayah sihir yang dapat memberi kefahaman kepada umum terutama dalam hal keterangan dan pembuktian di mahkamah undang-undang sedemikian terpaksa dimansuhkan. Pemansuhan ini wajar dilakukan kerana kesilapan memahami konsep itu mengundang kepada kezaliman dan penganiayaan kepada pihak tertuduh. Antara negara yang mempunyai undang-undang sihir tetapi telah dimansuhkan ialah England, Australia, New South Wales, Australia Selatan, Tasmania dan Victoria. Walaupun undang-undang itu wujud tetapi terpaksa dimansuhkan kerana menimbulkan diskriminasi kepada sesetengah komuniti yang berlainan fahaman agama. Ini juga ekoran ketiadaan pakar yang mampu menunjukkan perbezaan antara amalan sihir dan upacara keagamaan.

Arab Saudi ialah salah satu negara yang menjadikan sihir sebagai satu jenayah dan menetapkan hukuman mati bagi pengamalnya. Walaubagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang jenayah sihir di negara itu mendapat tentangan hebat terutama dari Barat akibat ketiadaan undang-undang jenayah secara bertulis selain sistem perundangannya yang terlalu longgar dan tidak konsisten. Justeru, ilmu sihir bukan sahaja diperangi oleh golongan pemerintah tetapi dipelopori oleh mereka yang berpegang teguh dengan akidah agama yang tepat.

Bab yang terakhir *Kitab Mantera Pengalah Sihir* merupakan simbolik yang digunakan oleh penulis dalam bukunya bermaksud Deraf Undang-Undang Jenayah Sihir Malaysia yang telah siap dirangka oleh penulis dengan teratur dan kemas agar ahli sihir tidak lagi terlepas dari melakukan jenayah sihir. Usaha bagi mewujudkan undang-undang yang berhubung kait dengan amalan sihir dilihat sebagai satu pendekatan yang mampu menyekat kegiatan tukang sihir daripada berlarutan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tuntutan dalam aspek keterangan dan prosedur untuk mensabitkan seseorang tukang sihir mahkamah sangat rumit. Namun dengan adanya suatu undang-undang yang memperuntukkan hukuman keras ke atas tukang-tukang sihir yang degil,

sekurang-kurangnya akan membuatkan mereka berfikir dua atau tiga kali tentang risiko yang bakal mereka tanggung. Selain itu, tujuan undang-undang ini diwujudkan bukan setakat untuk mengenakan hukuman yang setimpal kepada pesalah tetapi juga bertujuan untuk mencegah pesalah atau orang lain dari melakukan kesalahan tersebut pada masa hadapan. Sudah sampai masanya untuk pihak berkuasa mengambil tindakan yang sewajarnya dalam usaha melindungi masyarakat dari ancaman ilmu sihir dengan memberikan tumpuan kepada usaha-usaha mewujudkan mekanisme perundangan. Diharapkan agar usaha keras penulis dipandang oleh pihak berkuasa dan sekaligus dapat merealisasikan kewujudan undang-undang jenayah sihir di Malaysia.

Norita Kamaruddin

Jabatan Syariah

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor